

06 OCT 1996

Beijing-pulang

GAMBAR DR MAHATHIR YAKINKAN LELAKI SESAT DI BEIJING DAPAT PULANG

Oleh: Jackson Sawatan

KOTA KINABALU, 6 Okt (Bernama) -- Apabila Yong Ming Sing, 78, yang hilang selama enam hari di Beijing, ternampak gambar Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di kedutaan Malaysia di ibu negara China itu Rabu lepas, beliau tahu bahawa beliau telah menemui pihak yang boleh membantunya untuk kembali semula ke Sabah.

Beliau juga tahu bahawa beliau akan dapat kembali ke pangkuan keluarganya di Penampang dekat sini dan penderitaannya selama enam hari sejak terpisah daripada kumpulan pelancong dari Sabah yang disertainya, akan berakhir.

"Apabila saya tiba di kedutaan itu, saya ternampak gambar Dr Mahathir, saya berkata...ya, itulah gambar Perdana Menteri saya," kata Yong ketika ditemui di pejabat MCA Penampang selepas kembali dari Beijing malam tadi.

Sambil menceritakan pengalaman pahit selama 130 jam itu, Yong berkata beliau terpisah daripada kumpulan pelancong yang disertainya pada petang 26 Sept ketika beliau menyertai mereka untuk melawat Istana Musim Panas, sebuah tarikan pelancong berhampiran Beijing.

"Ketika di sana, saya bersiar-siar di sekitar kawasan itu dan kemudiannya sedar bahawa saya telah terpisah daripada mereka. Saya menunggu di pintu masuk istana itu dengan harapan mereka akan datang mencari saya tetapi mereka tidak muncul. Malam itu, saya terpaksa tidur di kaki lima dekat istana berkenaan.

Yong berkata: "Apabila saya terjaga pada keesokan harinya, saya memutuskan untuk berjalan mengikuti jalan utama yang mungkin menghala ke pusat bandar raya Beijing. Saya berjalan selama beberapa jam sehingga saya rebah dan tertidur di tepi jalan dan terjaga pada keesokan harinya."

Beliau tiba di Beijing pada hari ketiga dan merayau-rayau di sekitar bandar raya itu sehingga beliau menemui seorang penjaja yang membantunya mencari tempat untuk menginap selama dua hari.

"Apabila dia bertanyakan tempat asal saya, saya berkata dari Api-Api (Kota Kinabalu) di Sabah tetapi beliau tidak tahu tempat berkenaan, kemudian saya membeli sebuah peta dan menunjukkan kedudukan Sabah kepadanya.

"Pada 2 Okt, lelaki itu membawa saya ke Kedutaan Malaysia dan di situ saya diberikan tempat menginap sehingga saya kembali semalam," kata beliau.

Beliau gembira kerana dapat bersama keluarganya semula tetapi menurutnya, beliau tidak akan membuat sebarang perjalanan ke luar negara lagi pada masa akan datang.

"Kalau diberikan wang RM100,000 pun, saya tidak akan ke luar negara lagi. Tetapi jika ada peluang saya mahu melawat tempat-tempat lain di Malaysia," kata beliau.

Kumpulan pelancong yang disertainya itu berlepas ke Beijing dari sini pada 25 Sept dan tiba pada 6.30 pagi. Mereka melawat Medan Tienanmen Square selepas bersarapan sebelum pergi ke hotel penginapan mereka.

Anak perempuannya, Irene berkata, selepas makan tengah hari, mereka dibawa ke Istana Musim Panas dan diarah supaya berkumpul pada 4.30 petang. Ketika itulah kehilangan Yong disedari.

Beliau berkata seorang wakil ejen pelancongan mereka enggan menunggu Yong dan memberitahu keluarga Yong supaya jangan bimbang kerana pihak polis akan menghantar Yong ke hotel.

Irene dan anggota keluarganya kemudian pergi semula ke istana itu untuk mencari Yong tetapi gagal menemuinya.

Mereka membuat laporan kepada polis Beijing dan Kedutaan Malaysia pada 27 Sept dan kembali ke tanah air pada 30 Sept.

Beliau melahirkan rasa tidak puas hatinya dengan sikap penganjur perjalanan itu kerana sepatutnya menunggu Yong apabila kehilangannya disedari. -- BERNAMA

JS MZ MAI